

28 JULAI 2017

Lebih 200 jalani ujian saringan air kencing

Lebih 200 jalani ujian saringan air kencing

MARANG - Ujian saringan air kencing melibatkan 19 kakitangan Klinik Kesihatan Marang dan 186 pelatih di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia dijalankan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Marang di Wakaf Tapai, di sini.

Ketua Pegawai AADK Marang, Wan Zulkafli Wan Ahmad berkata, ujian saringan di klinik kesihatan itu diadakan sempena Program Tempat Kerja Bebas Dadah.

Menurutnya, AADK melaksanakan Program Tempat Kerja Bebas Dadah di daerah ini secara berjadual melibatkan kakitangan agensi kerajaan bagi memberi pengetahuan mengenai bahaya penyalahgunaan dadah kepada majikan dan pekerja.

"Seterusnya ia dapat mencegah penyalahgunaan dadah di tempat kerja dan mewujudkan persekitaran kerja sihat serta selamat. Pencegahan adalah strategi utama dalam menangani masalah dadah dari terus mengancam masyarakat.

"Kita juga melaksanakan ujian saringan air kencing kepada pelatih baharu atas permintaan pihak Akademi Bomba dan Penyelamat bagi

memastikan pelatih baharu bebas dadah," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, pencegahan merupakan strategi jangka panjang yang merangkumi pendidikan pencegahan dadah dan publisiti bagi memastikan tempat kerja bebas daripada penyalahgunaan dadah.

Menurutnya, penyalahgunaan dadah di tempat kerja boleh mengakibatkan kehilangan nyawa, kecederaan, kerosakan harta

benda dan menjejaskan imej organisasi.

"Ini kerana penyalahgunaan dadah menjejaskan keupayaan untuk bekerja dengan selamat dan membawa masalah kepada majikan," katanya.

Katanya, taklimat mengenai bahaya dadah dan kesannya turut diadakan manakala Program Tempat Kerja Bebas Dadah itu akan terus diadakan secara berjadual melibatkan agensi kerajaan di daerah itu.



Seramai 186 pelatih baharu menjalani ujian saringan air kencing di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia.